



**UTeM**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

bulletin 

# PERPUSTAKAAN

<http://libraryutemedu.my>

SSN 2180-4095

Bil. 1/2016

**Library Day**  
m/s 02

**Perkhidmatan Baru**  
m/s 04

**Lawatan**  
m/s 06

**Bagaimana Merealitikan Perpustakaan**  
m/s 07

**Bookshelf Navigator**  
m/s 08

**Bacaan Yasin**  
m/s 10



**UTeM**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA



## LIBRARY DAY



▶ Hajah Faridah Bte Hj Md Amin ketika berucap merasmikan Library Day 2016

**SIDANG REDAKSI****Ketua Editor**

Mohamad Rashid Hj Jantan

**Setiausaha**

Siti Syahirah Ab Rahim

**Pengarang**

Wizana Abd Jalil  
Harulrizam Mohamed  
Mohd Razif Dzulkpli  
Mahadir Che Ali  
Mez Zelina Yusof

**Grafik & Reka Bentuk**

Mohd Siddiq Azizi Jais  
Norhairol Khalid  
Mohamad Tarmizi  
Othman

**Jurufoto**

Thaqif Mohd Isa

**Pembaca Prof**

Azman Hj Ayup

'Library Day' 2016 merupakan kesinambungan program Festival Membaca 2014 yang diberi suntikan baru atau penjenamaan bagi menarik minat pengguna generasi Y yang lebih kepada aktiviti santai dan menghiburkan. Program ini telah berlangsung selama tiga hari iaitu bermula pada 2 hingga 4 Mac 2016. Aktiviti yang padat telah dijadualkan pada 2 Mac 2016 seawal 9 pagi sehingga jam 5.00 petang.

Tujuan program ini diadakan adalah sebagai inisiatif untuk mendekatkan perpustakaan dengan warga UTeM bagi memberi peluang kepada mereka untuk berinteraksi secara terus dalam mendapatkan sebarang informasi, mengajukan pertanyaan dan pendapat serta mengetahui lebih mendalam mengenai kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan. Program yang diadakan dalam tempoh satu hari ini adalah khusus untuk merapatkan ukhuwah dan jalinan mesra sesama warga universiti dalam pelbagai aktiviti yang menarik dan bermanfaat.

Program yang diketuai oleh En Azman bin Hj Ayup selaku Ketua Bahagian Pengurusan dan Perkhidmatan Maklumat berjaya menarik lebih 200 orang peserta untuk menyertai pertandingan yang diadakan sepanjang hari.

Antara aktiviti yang menarik adalah '*Wheel of Fortune*' yang menggunakan konsep rancangan televisyen Roda Impian. Penyertaan secara '*walk-in*' ini terbuka kepada pelajar dan staf UTeM. Soalan adalah berdasarkan kategori yang disediakan seperti pengetahuan am, negeri, artis, perpustakaan dan UTeM. Pertandingan ini telah menarik minat seramai 44 orang warga UTeM mendaftar sebagai peserta dan hanya 16 orang pemenang sahaja yang dipilih berdasarkan jawapan yang betul dan tepat serta memenangi hadiah wang tunai. Suasana riuh rendah pusingan roda serta sorakan penyokong menggamatkan lagi aktiviti berkenaan.

Aktiviti lain yang tidak kurang hebatnya yang menguji kecergasan fizikal dan minda adalah '*Treasure Hunt*'. Aktiviti ini melibatkan 10 kumpulan dengan tiga peserta setiap kumpulan menyelesaikan sesuatu masalah di setiap 'point' yang ditetapkan. Aktiviti ini adalah acara paling kemuncak yang dinantikan peserta yang dimulakan dengan sorakan kumpulan pada pada jam 2.30 petang di hadapan Kaunter Sirkulasi. Hadiah berupa wang tunai sebanyak RM350 untuk pemenang tempat pertama hingga ketiga merupakan ganjaran paling bermakna bagi pemenang yang terdiri daripada pelajar.





Pertandingan 'Counter Strike' merupakan pertandingan yang paling awal menutup penyertaannya kepada umum kerana telah mencapai had penyertaan iaitu seramai 32 orang untuk lapan kumpulan sahaja. Bilangan peserta yang paling ramai menyertai pertandingan ini adalah daripada pelajar Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Pertandingan ini menguji ketangkasan, kerjasama dan strategik menewaskan pihak musuh secara atas talian yang di adakan di dalam Bilik Pangkalan Data.

Perpustakaan kampus cawangan juga turut mengambil bahagian dengan menyediakan berberapa pertandingan untuk disertai oleh warga kampus cawangan. Antaranya adalah aktiviti teka muka surat buku dan pengguna bertuah. Pengguna bertuah di setiap kampus cawangan menerima hadiah berupa barangan dan baucar.

Aktiviti-aktiviti lain yang dipertandingkan ialah monopoli elektronik, dam ular gergasi, congkak dan OPAC genius. Turut diadakan ialah Hari Bersama Pelanggan, Gerai Pangkalan Data, Program Derma Darah dan gerai jualan makanan.



Secara kesimpulannya, 'Library Day 2016' telah berjaya dianjurkan dengan penglibatan peserta di kalangan warga UTeM dengan kepelbagaian aktiviti yang dijalankan bagi mencapai matlamat yang diharapkan. Program ini adalah wajar diteruskan sebagai penghargaan kepada pengguna setia perpustakaan di samping menarik minat mereka untuk datang ke perpustakaan.



## PERKHIDMATAN BARU



▶ Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Shahrin Bin Sahib melihat demo navigator yang merupakan salah satu perkhidmatan baru di Perpustakaan UTeM

Majlis Perasmian Perkhidmatan Baharu Perpustakaan UTeM telah berjaya dianjurkan oleh Perpustakaan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 8 Mac 2016 di Perpustakaan Kampus Induk, Durian Tunggal, Melaka. Tujuan penganjuran majlis ini adalah untuk memaklumkan kepada warga universiti dan masyarakat setempat akan perkhidmatan baharu dan terkini yang disediakan di Perpustakaan UTeM iaitu Sistem Tempahan Bilik Online, Sistem Bookshelf Navigator dan kemudahan Swegway.

Selain itu, penganjuran majlis tersebut juga bertujuan untuk berkongsi idea dan pengalaman inovasi perpustakaan dalam membangunkan beberapa perkhidmatan dan kemudahan terkini sebagai usaha perpustakaan untuk menarik minat pengguna dalam menjadikan perpustakaan sebagai satu tempat yang menyeronokkan dengan dilengkapi kemudahan yang mengikut *trend* popular masa kini.

Di samping itu juga, penganjuran majlis ini dapat mewujudkan ruang dan peluang perkongsian ilmu di kalangan institusi-institusi

pengajian di Negeri Melaka bagi melonjakkan kecemerlangan UTeM ke arah penarafan di peringkat tempatan dan antarabangsa seiring dengan matlamat Kementerian Pendidikan Malaysia bagi tujuan perkongsian ilmu di antara agensi kerajaan dan swasta.

Majlis ini telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Datuk Naib Canselor di Perpustakaan UTeM Kampus Induk pada 8 Mac 2016 jam 10.30 pagi. Majlis ini turut mendapat sokongan dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Prof. Dr. Izaidin bin Abdul Majid, Penolong Naib Canselor (Jaringan Masyarakat & Industri), Prof. Dr. Mohd Ridzuan bin Nordin, Penolong Naib Canselor (Pembangunan Dan Pengurusan Fasiliti), Prof. Datuk Dr. Zolkepli bin Buang, Pegawai-pegawai Kanan, Dekan-dekan, wakil PTj, staf dan pelajar UTeM.

Tingkatkan kecekapan khidmat perpustakaan

# UTeM perkenal 4 sistem mesra pengguna

Oleh LIANA SAMADUDIN

DURIAN TUNGGAL 9 Mac - Selang perkembangan teknologi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memperkenalkan empat sistem perkhidmatan baharu dalam usaha meningkatkan kecekapan perkhidmatan perpustakaan yang sedia ada.

Nائب Canselor UTeM, Prof. Dr. Datuk Shahrin Saibh berkata, ia adalah perkhidmatan sistem tambahan baik atau ruang belajar secara atas talian.

Selain sistem Bookshelf Navigator dan sistem e-book dan juga kemudahan penggunaan skrin elektrik atau e-way, sebanyak lima unit.

Menjelaskan, ia antara persembahkan dilaksanakan ke arah menaik taraf perkhidmatan dan kemudahan mengikut keperluan pengguna kampus generasi Y (Gen Y) supaya lebih dekat dan mesra pengguna.



SHAHRIN memantau pemindahan kaedah perpustakaan UTeM mengenal aplikasi disediakan.

"Perpustakaan UTeM menjadi perintis kepada Perpustakaan Universiti Awam lain yang menyediakan kemudahan seperti ini."

"Kita lha sedang menawarkan ruang belajar seperti ini untuk bagi mem-

berikan aplikasi seperti navigasi yang akan diubah dengan bentuk aplikasi telefon pintar," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Persembahan Perkhidmatan Baharu Perpustakaan UTeM di Kampus Teknikal UTeM Durian



SHAHRIN memulakan skrin elektrik yang disediakan di perpustakaan UTeM pada Majlis Persembahan Perkhidmatan Baharu Perpustakaan UTeM di Kampus Teknikal UTeM Durian Tunggai, Selasa lalu.

Tunggai dan kedah.

Kelakinya, dengan sistem Bookshelf Navigator dan skrin elektrik yang digunakan dalam ruang perpustakaan, ia menjadikan perpustakaan sebagai perintis kepada Perpustakaan Universiti Awam

yang menyediakan kemudahan sesempurna itu kepada pengguna.

"Perpustakaan UTeM sentiasa melakukan transformasi yang bukan hanya dalam aspek teknologi, malah persembahkan

proses persembahkan ini sama serantau berbanding dengan baik dan mesra mengemudi ekspedisi pengguna dan masyarakat," katanya.

Hadir sama, Ketua Perpustakaan Perpustakaan UTeM, Faridhi Muli Amin.

## 'Hoverboard' dalam perpustakaan

Mudahkan pelajar, kakitangan UTeM cari bahan rujukan dan bacaan

Oleh Norizah Baharudin  
angh@red.com.my  
Aber Gajah

Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) memperkenalkan penggunaan 'hoverboard' untuk menjadikan suasana perpustakaan di Kampus Durian Tunggai di sini, lebih ceria dan menghidupkan peredaran teknologi semasa.

Nائب Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Mohd Shahrin Saibh berkata, pihaknya turut mempersembahkan dua lagi perkhidmatan di perpustakaan kampus berkenaan iaitu sistem Bookshelf Navigator sistem navigasi rak buku dan Sistem Tempahan Buku Atas Talian.

Beliau berkata, dengan pelaksanaan penggunaan 'hoverboard' di perpustakaan kampus Durian Tunggai, semalam, UTeM menjadi universiti awam pertama di negara ini menggunakan kemudahan itu.

"Kami menyediakan lima unit 'hoverboard' yang luar biasa di perpustakaan elektrik bagi memudahkan mencari buku untuk rujukan atau bahan bacaan mereka."

"Langkah diambil UTeM sering dengan persembahkan dua lagi perkhidmatan baru kepada pengguna perniagaan mengingkatkan badan untuk memudahkan perkhidmatan," katanya yang ditemui selepas memulakan kerja-kerja perkhidmatan itu, semalam.

Mohd Shahrin berkata, penggunaan 'hoverboard' setara rak buku yang membolehkan perkhidmatan pengguna perpustakaan itu dengan cara yang lebih cepat, serta meningkatkan perkhidmatan secara keseluruhan.

"Selain dengan perkhidmatan mesra, kami mahu menjadikan perpustakaan sebagai lebih serbeka serta

**FAKTA**  
UTeM universiti pertama menggunakan 'hoverboard' di perpustakaan.



PELAJAR mudah mencari bahan bacaan dan rujukan dengan

menjadi perintis kepada perpustakaan lain untuk menyediakan kemudahan sama kepada pengguna mereka," katanya.

Mengulas mengenai sistem navigasi rak buku, beliau berkata, sistem ini membantu pengguna mendapatkan bahan dikehendaki di rak dengan lebih mudah, cepat

dan tepat selain boleh digantikan melalui kiosk perpustakaan.

"Sistem navigasi rak buku ini berbentuk 3D yang dilengkapi sistem audio dalam

bahasa Inggeris, sekali gus memudahkan panduan di sampingan difahami pelajar antarabangsa yang mengunjungi perpustakaan kami," katanya.

Dalam memasyarakatkan perkhidmatan perpustakaan kepada komuniti, Perpustakaan juga telah menjemput wakil perpustakaan awam, kolej-kolej komuniti, politeknik, UiTM cawangan Melaka, institusi-institusi di sekitar Negeri Melaka dan beberapa sekolah agama serta tahfiz yang pernah terlibat di dalam program kemasyarakatan bersama Perpustakaan UTeM.

Program ini turut diserikan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Library Day yang telah berlangsung pada 2 hingga 4 Mac 2016 dengan pelbagai aktiviti dianjurkan melibatkan pelajar dan staf. Selain itu, majlis ini juga dimeriahkan lagi dengan penyampaian sumbangan bahan daripada Prof. Madya Datuk Dr. Su'aidi bin Dato' Saefi kepada Perpustakaan UTeM.



## LAWATAN-LAWATAN



Sepanjang Januari hingga April 2016, Perpustakaan UTeM telah menerima sebanyak lapan lawatan kunjungan dari pelbagai pihak seperti Kolej Matrikulasi Melaka, Politeknik Mersing, Sek. Men. Teknik Terengganu, UiTM Segamat, Johor, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kolej Yayasan Saad, dan Perpustakaan Dr. Abdul Latif, UKM. Dalam tempoh empat bulan, jumlah direkodkan adalah seramai 233 orang pelawat yang terdiri daripada pelajar, guru dan staf organisasi berkenaan. Setiap kunjungan mempunyai matlamat dan tujuan yang tersendiri.

BIL.	TARIKH LAWATAN	MASA	ORGANISASI / AGENSI / INSTITUSI	JUMLAH
1	15/01/2016	2.45 PTG	Kolej Matrikulasi Melaka	44
2	15/01/2016	8.00 PG	Politeknik Mersing, Johor	40
3	18/02/2016	2.00 PTG	Sek. Men. Teknik Terengganu	30
4	19/02/2016	3.00 PTG	UiTM Segamat, Johor	6
5	02/03/2016	9.00 PG	Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)	43
6	26/04/2016	10.30 PG	Kolej Yayasan Saad, Melaka	29
7	27/04/2016	10.30 PG	Kolej Yayasan Saad, Melaka	28
8	27/04/2016	10.00 PG	Perpustakaan Dr. Abdul Latif, UKM	13

Di antara tujuan lawatan ini adalah bagi memberi pendedahan kepada para pelajar tentang perkhidmatan yang disediakan oleh perpustakaan akademik selain menyemai sikap cintakan ilmu dalam diri pelajar. Lawatan sambil belajar ini dapat memberi pendedahan kepada pelajar tentang peranan dan maklumat yang dapat diperolehi dari perpustakaan.

Bagi tujuan penanda aras, lawatan ini memberi manfaat untuk memperbaiki proses atau operasi perpustakaan di organisasi masing-masing. Selain daripada itu ia juga bertujuan meningkatkan tahap kepuasan pengguna terhadap penggunaan perkhidmatan perpustakaan selain dapat mempelajari amalan-amalan terbaik yang dilaksanakan oleh perpustakaan serta dapat bertukar-tukar pendapat.

Ada juga di antara lawatan ini bertujuan membuat penyelidikan oleh pelajar pengajian tinggi. Para pelajar akan mendapatkan maklumat tentang cara penggunaan dan pengendalian teknologi yang terdapat di Perpustakaan UTeM. Ini bagi memenuhi keperluan tugas dan keperluan kursus kumpulan pelajar ini. Selain memberi fokus kepada kehendak kajian, pelajar juga membuat kajian perkhidmatan baru iaitu penggunaan swegway dalam perpustakaan, penggunaan mesin layan diri, tempahan bilik secara atas talian dan penggunaan kunci karel (e-tag).

Dengan adanya aktiviti lawatan sepanjang tahun dengan kerjasama pihak UTeM, perpustakaan dapat memainkan peranan sebagai duta kepada UTeM dengan mempromosi UTeM kepada warga Malaysia amnya.



Jika diamati pada ke semua kolum-kolum ilmiah yang menyatakan bahawa perpustakaan itu masih penting pada masa kini, ia seharusnya dipuji kerana masih ada lagi yang percaya bahawa perpustakaan itu masih berada pada fungsinya kini. Namun di sebalik senarai-senarai kepentingan itu adakah ianya relevan dengan paras rupa, fizikal, sumber serta kemodenan fungsinya kini? Sejauh mana kita sedar atau percaya bahawa perpustakaan sebenarnya berfungsi dan harus berubah mengikut peredaran zaman. Cabaran kepada kesesuaian realiti perpustakaan perlu dilihat sebagai satu usaha penting bagi pengekalannya kepada pengguna.

Kebanyakan yang dikatakan berada dalam lingkungan profesional sedaya upaya membawa keluar perpustakaan dengan cara mereka mengikut pelbagai idea, agenda ataupun metodologi supaya perpustakaan masing-masing kelihatan gah di antara satu sama lain. Melihat kepada usaha-usaha itu secara positif kita yakin ia kelihatan pesat secara individu membangunkan perpustakaan masing-masing ke arah kemasyhuran. Setinggi mana pun usaha perlu dilihat kepada secara asasnya, cabaran utama yang mungkin perpustakaan itu sendiri hadapi tanpa disedari adalah:

1. Minda manusia yang mengurus masih selesa berada dengan identiti perpustakaan itu adalah perpustakaan.
2. Perpustakaan dan globalisasi adalah dua entiti yang tidak berkait rapat
3. Perbezaan generasi tiada kepentingan untuk anjakan perubahan perpustakaan

4. Perkembangan teknologi maklumat diadaptasi untuk bidang teknologi maklumat bukan untuk perpustakaan
5. Terikat dengan kuasa pembuat keputusan yang bukan dalam bidang perpustakaan
6. Penjenamaan yang tidak mahu berubah dari memikirkan perkataan "perpustakaan atau 'library'"
7. Mempromosi dengan cara yang amat berliku berbanding cara yang mudah.
8. Terlalu takut dengan perkara jangkaan dan sangkaan berbanding apa yang sebenarnya dikehendaki.

Untuk berubah, perpustakaan tidak perlu pergi terlalu jauh dengan pelbagai idea yang dianggap gah, komplikated serta moden semata-mata, ironi peliknya masih belum dapat diadaptasi oleh pengguna ataupun persekitaran mereka sendiri. Memperhalusi beberapa perkara asas pada permulaan jalan ke arah perubahan perlu juga dilihat supaya ia tidak menjadi faktor "syok sendiri" dan kesan yang acapkali tiada momentumnya. Kita tidak bercakap berkenaan soal perlunya bajet tinggi ataupun mempersoalkan kehebatan profesional perpustakaan tetapi cuba memperlihatkan sedikit asasnya untuk difikirkan bagi memberi keselarasan momentum kelak. Impian semua pengguna perpustakaan adalah perpustakaan lari dari peringkat lama tunjukkan apa yang baru dengan faktor "wow" kepada mereka terutama generasi-y yang menakluk ilmu kini serta persediaan menerima pelbagai generasi kelak.

# BOOKSHELF NAVIGATOR

Bookshelf Navigator merupakan satu sistem perpustakaan dalaman yang telah diwujudkan oleh Perpustakaan UTeM pada bulan Disember 2014 bertujuan membantu pengguna dalam pencarian bahan di rak. Pengguna boleh menggunakan Bookshelf Navigator pada kiosk yang disediakan sepanjang waktu pengoperasian perpustakaan di Kampus Induk UTeM.

Panduan Menggunakan Bookshelf Navigator Perpustakaan UTeM

1

Buka web opac untuk mencari buku yang dikehendaki. Sila dapatkan maklumat seperti **“Call Number”** dan **“Status”** bahan.



3

“Classification Category” akan terpapar.



2

Sila ke “Bookshelf Navigator” untuk mendapatkan kedudukan bahan yang hendak dicari. Tekan butang **“Click Here”**



4

Pastikan kedudukan kelas dan tingkat bagi bahan yang diperlukan.






# 5

Kemudian tekan pada "Floor Option".




# 8

Paparan akan dikeluarkan seperti di bawah. Sila klik pada "Call Number" seperti yang dikehendaki.



# 6

Paparan "Floor Option" akan dipaparkan.




# 9

Video kedudukan bahan yang dicari akan dimainkan secara automatik.



# 7

Klik pada "A-S 2nd Floor" atau "T-Z 3rd Floor" berpandukan maklumat kelas dan tingkat yang telah diperolehi dari "Classification Category".



## Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2016



Seramai enam orang staf perpustakaan telah terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dalam Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Anugerah Sanjungan Universiti 2015, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang diadakan di Dewan Besar UTeM pada 30 Mac 2016.

Mereka ialah Puan Nurul Akmar Mehat, Puan Hafizah Mohamad, Puan Nooraidillah Rasdi, Puan Lela Omar, Encik Ahmad Abu Bakar dan Encik Mohamad Azhari Johari

Seramai 173 orang staf UTeM menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2015, 2 orang menerima Anugerah Jasa Bakti 2015 dan 2 orang menerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang 2015. Penerima APC diberi insentif Sijil Perkhidmatan Cemerlang, Sijil Simpanan Premium bernilai RM1,000 dan diberi peluang dalam pencalonan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat Persekutuan atau Negeri.

Kesemua hadiah disampaikan oleh Prof. Datuk Dr. Shahrin Sahib, Naib Canselor UTeM. Warga Perpustakaan UTeM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada penerima-penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2015 semoga terus menyerlah pada masa akan datang.

## Majlis Bacaan Yasin Bahagian JPPSI 2016



Jabatan Pembangunan & Pengurusan Sumber Ilmu (JPPSI) Perpustakaan UTeM telah mengadakan program bacaan yasin pada 29 Jan 2016 sebagai acara pertama yang telah diadakan di ruang legar Unit Pengindeksan pada jam 9.00 pagi. Turut hadir ialah Pustakawan Kanan Bahagian Pengindeksan En. Azman bin Hj. Ayup dan staf Unit Pengindeksan dan Perolehan. Majlis ini dibimbing oleh En. Azman bin Amir.

Program ini bertujuan untuk memberi peluang kepada para staf mengadakan Bacaan Yasin di JPPSI bagi maksud seperti menghadihkan pahala bacaan tersebut kepada arwah keluarga, untuk mendoakan kesejahteraan unit serta mengeratkan silaturrahim di antara staf melalui program kerohanian. Majlis berakhir pada pukul 9.30 pagi dengan jamuan pagi turut disediakan.



# PROGRAM JOM MEMBACA BERSAMA 10 MINIT



Demi menyahut seruan Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) untuk melestarikan tabiat membaca di kalangan masyarakat, Perpustakaan UTaM telah menjalankan program Jom Membaca Selama 10 minit di semua kampus UTaM. Program ini telah berjaya diadakan pada 25 April 2016 (Isnin) bermula jam 11.00 pagi hingga 11.10 pagi selama 10 minit. Hebahan program dibuat melalui saluran media seperti Email, Facebook, Tweeter, Instagram, Portal Perpustakaan dan poster. Pihak perpustakaan telah mendapat banyak respon daripada staf dan pelajar UTaM. Seramai 101 orang staf dan pengguna telah terlibat menjayakan aktiviti ini disekitar Perpustakaan UTaM kampus Induk.

Antara objektif yang dapat dicapai melalui program ini adalah peranan Perpustakaan dalam melestarikan matlamat PNM demi menyokong galakan membaca dikalangan warga UTaM. Dengan adanya program seperti ini secara tidak langsung ianya dapat meningkatkan budaya membaca di kalangan masyarakat Malaysia secara umumnya serta warga UTaM.

Beberapa Pusat Tanggungjawab (PTj) UTaM turut terlibat dalam program ini seperti Canselori, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Perkhidmatan Perhubungan dan Komunikasi, Pejabat Pendaftar, Pejabat Pembangunan dan lain-lain. Berikut adalah jumlah peserta yang terlibat dalam program Jom Membaca Selama 10 Minit yang diadakan sekitar UTaM.

PTJ	JUMLAH
PERPUSTAKAAN	101
PPS	22
FTK	69
PPPK	73
PENDAFTAR	29
CANSELORI	29
PSTP	13
PEMBANGUNAN	114
HEPA	12
<b>JUMLAH</b>	<b>462</b>

Warga UTaM berasa bangga dengan Naib Canselor, Yang Berbahagia Prof. Datuk Dr. Shahrin bin Sahib di mana beliau telah meluangkan masa membaca bahan kegemarannya selama 10 minit sebagai tanda menyokong usaha ini. Pihak Perpustakaan berharap program ini dapat diteruskan demi memupuk dan meningkatkan tabiat membaca dikalangan warga UTaM.



اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

<http://library.utm.edu.my/>

